DARI JOHOR

Kilang gula terbesar di Johor

MSM buka kilang penapisan gula di Tanjung Langsat



Sheikh Awab (kiri) mengiringi Mohamad (dua, kiri) menyempurnakan gimik perasmian Majlis Pecah Tanah Kilang Gula MSM Johor, semalam.

AZIZAN INCHE HARUN

PASIR GUDANG - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) yang merupakan peneraju pengeluar gula bertapis negara membuka kilang penapisan gula bersepadu terbesar di Tanjung Langsat, di sini dalam usaha menyokong perniagaannya yang kian berkembang pesat.

Presiden dan Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, ia selaras sasaran keuntungan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang dijangka mencecah RM500 juta menjelang penghujung 2018.

Menurutnya, jangkaan itu disebabkan pihaknya yakin dapat menghasilkan sejumlah 2.25 juta tan metrik gula setahun daripada semua kilangnya, termasuk di Tanjung Langsat menjelang akhir 2017.

"Kita menjangkakan dalam tempoh 10 tahun akan datang, India bakal menjadi pengguna gula terbesar di Asia dan diikuti China.

"India pada masa sekarang menggunakan 25 juta tan metrik dan dalam tempoh 10 tahun lagi akan meningkat kepada 40 juta tan metrik.

"Begitu juga dengan China yang sedang menggunakan 16 juta tan metrik gula dan bakal bertambah kepada 26 juta tan metrik menjelang tempoh sama," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pecah Tanah Kilang Gula MSM Johor di Tanjung Langsat, di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Speaker Dun Johor selaku wakil rasmi Menteri Besar, Tan Sri Mohamad Aziz dan turut dihadiri Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Sheikh Awab berkata, MSM juga baru membuka pejabat dagangannya, MSM Trading International DMCC di Dubai bulan lepas untuk terlibat lebih luas dalam perdagangan gula mentah antarabangsa bagi pasaran terutamanya Timur Tengah dan Afrika Utara.

Menurutnya, usaha itu disokong pejabat perwakilan yang berpusat di Jakarta, Indonesia dalam membantu transaksi perniagaan pelanggan dan bertindak sebagai laluan ke pasaran lain terutama di rantau Asia Pasifik.

"Bermula 1 April depan, segala eksport gula akan keluar dari Dubai yang merupakan pejabat dagangan yang baru dibuka bulan lepas.

"Kami menjangkakan peningkatan keuntungan berterusan selepas memperoleh kira-kira RM257 juta keuntungan daripada pengeluaran gula dianggarkan 1.25 juta tan metrik setahun pada 2014," katanya.

Reman tukang jahit tikam, kelar isteri disambung

JOHOR BAHRU - Reman ke atas seorang tukang jahit berusia 35 tahun yang menikam dan mengelar isterinya hingga mati dalam kejadian di Kampung Ulu Pandan, di sini pada 20 Mac lalu, dilanjutkan hingga 4 April ini.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, tempoh reman berkenaan dilanjutkan selama tujuh hari bermula semalam selepas dia ditahan 21 Mac lalu.

Terdahulu suspek yang pernah menerima rawatan psikiatri dilaporkan mendengar bisikan agar membunuh isterinya sebelum bertindak mengelar dan menikam mangsa menggunakan gunting di kediaman mereka di Jalan Mahsuri, Kampung Ulu Pandan.

Mangsa yang cedera parah di leher, dada dan bahagian belakang badan ditemui meninggal dunia di ruang tamu oleh anak sulung mereka.